

## → INOVASI

# LKTN cipta bahan bina rumah guna empulur kenaf

FOTO MOHAMAD ZULHAIRIE MANZAI / BH



**Samsudin (tiga dari kanan) menerangkan penghasilan IBS menggunakan empulur kenaf kepada pemberita di Kota Bharu, semalam.**

➔ Teknologi baharu panel pembinaan dihasilkan syarikat tempatan jimat kos, masa

**Oleh Mohamad Zulhairie Manzaidi**  
cnews@nstp.com.my

▪ Kota Bharu

Lembaga Kenaf Dan Tembaku Negara (LKTN) mencipta sejarah apabila berjaya menghasilkan sistem binaan berindustri (IBS) dengan menggunakan 90 peratus empulur kenaf.

Ketua Pengarahnya, Samsudin Nor, berkata ia adalah teknologi baharu yang dihasilkan syarikat tempatan.

Katanya, penghasilan panel untuk pembinaan rumah ini, bukan sahaja mempercepatkan masa, malah menjimatkan kos.

### Jalani ujian SIRIM

"Penghasilan panel ini sudah menjalanai beberapa ujian SIRIM dan sebarang masalah yang timbul, ia mula dipasarkan.

"Dengan teknologi baharu itu, sebuah rumah mampu disiapkan dalam tempoh 14 hari berbanding empat hingga lima bulan menggunakan kaedah konvensional.



Sebuah rumah mampu disiapkan dalam 14 hari menggunakan teknologi baharu ini"

**Samsudin Nor,**  
Ketua Pengarah LKTN

**Harga 40 peratus lebih murah**  
"Panel kenaf ini juga 60 peratus lebih ringan berbanding konkrit selain harganya 40 peratus lebih murah," katanya, semalam.

Samsudin berkata, rumah pertamanya menggunakan teknologi ini sedang dilakukan di Muar, Johor.

"Ia juga sesuai digunakan dalam pembinaan rumah mangsa bencana kerana prosesnya lebih cepat.

"Menerusi kaedah ini, mangsa bencana seperti banjir, kebakaran dan ribut lebih cepat memiliki rumah baharu," katanya.